

IDEA HIJAU PEREKA MUDA

Dua orang muda lahirkan idea menarik untuk mengindahkan masa depan



WONG (kiri) dan Lim.

Kongsikan gambar dan seribu satu momen di #XpresiGenY Instagram bersama MURSHID EUNOS. Jangan lupa cari dan tag nama saya, @murshid_eunos ok!

**XPRESI
Gen.Y**



www.facebook.com/
GenY.HM

SHUHADA MANSOR

kagum dengan kebolehan dua anak muda ini. Tahap kreativiti diperlusi sekali gus membolehkan mereka dinobat sebagai juara. Ketahui kisah mereka dan jadikan ia sumber inspirasi untuk kita semua.



Untuk memperoleh idea kreatif dan asli bersifat lain daripada yang lain perlu menempuh pelbagai cabaran. Sama ada idea itu pernah diutarakan sebelum ini di mana perlu digarap semula ataupun harus memikirkan sesuatu yang baru, itu antara cabarannya.

Berhasrat mewujudkan kehidupan masa depan lebih menarik dari segi persekitaran membuatkan dua anak muda ini cemerlang dengan keunikan idea mereka tersendiri. Keaslian idea digabungkan dengan kreativiti, sekali gus menjulang mereka sebagai pemenang anugerah Pereka Muda Nippon Paint (NPYDA) 2014, baru-baru ini.


Sebanyak RM3,000 hadiah wang tunai diberikan kepada juara. Lebih menarik apabila mereka diberi peluang menghadiri lawatan eksklusif ke Jepun di bawah Program Pembelajaran Jepun dengan kontrak latihan enam bulan dibayari penuh IJM Land Berhad. Program itu akan diadakan di Osaka bermula Mac, tahun depan.

Apakah intipati idea mereka? Ikuti kisah kedua-duanya dalam artikel ini.

BANGKITKAN MASALAH GOLONGAN BERUSIA

Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Wong Kaili, 22, menjelaskan ideanya yang dinamakan 'Bond the Vicinity - Hydrophilic Retirement Retreat' berperanan untuk menangani isu tersisih yang dihadapi golongan pesara dan warga emas.

"Sebagai contoh, apabila kita pergi ke pusat beli-belah, jarang sekali diwujudkan tempat beriadah untuk golongan ini. Jadi aktiviti mereka terhad kerana keban-



LAKARAN idea yang menobatkan Lim sebagai juara.

yakan aktiviti difokuskan kepada kanak-kanak atau pun orang muda.

"Antara situasi yang dapat kita lihat sekarang seperti resor atau pun tempat peranginan yang kurang berkonsen pada alam semula jadi. Orang yang sudah berusia seluruhnya inginkan tempat yang santai untuk tenangkan fikiran, justeru idea ini boleh diguna pakai untuk mengubah konsep kejuruteraan sedia ada di mana memberi manfaat kepada semua golongan," katanya.

Katanya, selain daripada kemudahan lengkap menampilkan ruang berasingan untuk aktiviti riadah dan sosial, air adalah elemen penting dalam rekaan tapak landskap menarik. Wong menambah, air adalah elemen utama yang difokuskan untuk menarik lebih ramai pesara, warga emas serta keseluruhan komuniti untuk datang ke tempat mempunyai landskap seperti itu.

"Saya ingin memaparkan kefahaman terperinci terhadap masalah yang dihadapi golongan berusia. Bukan bermaksud saya tidak pentingkan generasi

muda, tetapi ada kalanya kita perlu berfikir sesuatu yang luar daripada kepompong sendiri."

"Dengan gabungan idea ini, saya yakin warga emas lebih tertarik dan tidak akan rasa terhalang untuk membabitkan diri dalam masyarakat. Meskipun idea asal lebih terarah kepada golongan tua, tetapi hakikatnya persekitaran yang hijau dapat dinikmati oleh sesiapa saja. Tak kiralah kanak-kanak, remaja ataupun kelompok veteran," katanya yang menggongol anugerah Pemenang Emas kategori seni bina.

KEMBALIKAN KONSEP KAMPUNG HALAMAN

Pemenang kategori hiasan dalaman, Lim Yong An mengutarakan "konsep tapak semaihan LEAF" yang mana ruang hijau lebih banyak diwujudkan dalam kawasan bandar. Dia yang juga penuntut Kolej Antarabangsa KBU berkata, rekaannya itu menggabungkan aspek praktikal seperti menggunakan hasil tanaman secara berkesan selain sisa organik dimanfaatkan sebagai bahan untuk menanam tumbuhan.

"Saya ingin kembalikan perasaan seperti berada di kampung walaupun hakikatnya kita berada di tengah kota raya. Saya percaya, kafe dan gerai yang menggunakan konsep ini iaitu dengan menanam pokok di dalam kedai mampu memberi pengalaman berbeza kepada pelanggan yang datang."

"Pelanggan yang datang boleh menuai sendiri hasil tanaman dan menikmatinya dengan rasa segar. Saya memilih kawasan Sinar Kota di Kuala Lumpur sebagai tempat untuk merealisasikan idea ini kerana jumlah penduduknya yang ramai dan berbilang kaum. Siapa yang tidak sukaan kehijauan dan kesegaran alam? Oleh itu, saya berpendapat konsep ini berpotensi menyatukan masyarakat melalui perkongsian pengalaman bercucuk tanam sesama mereka," katanya.



DARI kiri, Ketua Juri Kategori Pereka Dalam NPYDA 2014 Fendarie Su, Pengarah Urusan Nippon Paint Malaysia Yaw Seng Heng, Lim, Wong, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan IJM Land Berhad Datuk Soam Heng Choon dan Ketua Juri Kategori Kejuruteraan Ar Jasmeet Singh.

